



# PEKELILING PELABUHAN PORT CIRCULAR

JABATAN LAUT MALAYSIA  
Pejabat Laut Wilayah Persekutuan Labuan  
Peti Surat 81005, 87020 W.P. Labuan

NO. 5 / 2020

Phone : 087-413511 Email: [pjlwplbn@marine.gov.my](mailto:pjlwplbn@marine.gov.my)  
Fax : 087-413515 Web Page : <http://www.marine.gov.my>

---

---

**PENETAPAN PINTU MASUK UTAMA BAGI PERKHIDMATAN TEKSI AIR DAN LARANGAN  
MENGADAKAN AKTIVITI SOSIAL LAUT DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**ESTABLISHMENT OF MAIN ENTRY POINT FOR WATER TAXI SERVICE AND  
PROHIBITION FOR MARINE SOCIAL ACTIVITY AT LABUAN FEDERAL TERRITORY**

---

---

Daripada	: Pegawai Pelabuhan	From	: Port Officer
Kepada	: Pemilik Kapal, Ejen Perkapalan dan Masyarakat Perkapalan	To	: Ship Owner, Shipping Agency and Shipping Community
Tarikh	: 24 April 2020	Date	: April 24 <sup>th</sup> 2020
Carta	: MAL 8518, MAL 8523,	Date Relevant	: MAL 8518, MAL 8523,
Berkaitan	MAL 6	Chart	MAL 6

---

Pekeliling Pelabuhan No.4 / 2020 adalah terbatal.

*Port Circular No.4 / 2020 is void.*

Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 12 Mei 2020 bagi mencegah penularan baharu wabak COVID-19 ini kepada orang awam.


*The Malaysian Government decided to extend the Movement Control Order until May 12<sup>th</sup> 2020 to prevent the spread of the new COVID-19 outbreak to the public.*

Selaras dengan lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil pendekatan untuk menetapkan Terminal Feri Antarabangsa Labuan sebagai pintu masuk utama bagi semua perkhidmatan teksi air yang membawa krew atau anak kapal yang berlabuh di perairan Wilayah Persekutuan Labuan. Waktu operasi Terminal Feri Antarabangsa Labuan adalah dari jam 6:00 pagi sehingga jam 6:00 petang untuk tujuan saringan kesihatan berkuatkuasa sehingga 12 Mei 2020.

*In line with the extension of Movement Control Order, Malaysia Marine Department, Labuan Region has taken the approach to designate the Labuan International Ferry Terminal as the main entrance for all water taxi services carrying crews anchored in the waters of Labuan Federal Territory. Labuan International Ferry Terminal operating hours commencing from 6:00 a.m. to 6:00 p.m. for health screening purposes until May 12<sup>th</sup> 2020.*

Masyarakat Perkapalan juga tidak dibenarkan untuk mengadakan sebarang aktiviti sosial di laut seperti Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping, Diving, Snorkeling dan apa jua aktiviti sosial yang berkaitan di laut sehingga 12 Mei 2020.

*Shipping community also not permitted to conduct any social activities at sea such as Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping, Diving, Snorkelling and any relevant social marine activities until May 12<sup>th</sup> 2020.*

  
(BENJAMIN BERNARD BIJION)  
Regional Director,  
Malaysia Marine Department,  
Federal Territory of Labuan.